



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK DR. MUHAMAD AKMAL BIN SALEH
EXCO KEMAJUAN DESA, PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN NEGERI MELAKA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN SESI PEMURNIAN DAN LIBAT URUS
RANG UNDANG-UNDANG KUALITI BENIH TANAMAN 20XX DAN
PINDAAN AKTA PERLINDUNGAN VARIETI BARU TUMBUHAN 2004
(AKTA 634)**

**14 OGOS 2025 | KHAMIS
HOTEL IMPERIAL HERITAGE MELAKA**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Perasmian Sesi Pemurnian dan Libat Urus Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman 20XX dan Pindaan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta 634)**.
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak penganjur khususnya Jabatan Pertanian atas jemputan serta kepercayaan menganjurkan program ini di negeri Melaka. Bagi pihak Kerajaan Negeri, kami amat berbesar hati kerana Melaka dipilih sebagai tuan rumah bagi sesi penting yang menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan demi masa depan sektor pertanian negara yang lebih mampan dan progresif.
3. Terima kasih juga kepada semua peserta daripada pelbagai agensi yang hadir hari ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan komitmen bersama dalam memperkukuh sistem perundangan berkaitan benih tanaman demi manfaat petani dan pembangunan industri pertanian secara keseluruhan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Saya difahamkan bahawa Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman 20XX sedang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta Jabatan Pertanian.

Undang-undang ini bertujuan mewujudkan rangka kawal selia yang lebih mantap dan menyeluruh bagi memastikan benih tanaman yang digunakan oleh petani benar-benar berkualiti, sah dan diyakini.

5. Dalam masa yang sama, pindaan kepada Akta 634 pula dilihat bertujuan memperkemaskan perlindungan kepada pembiak baka serta mewujudkan keseimbangan antara inovasi, hak petani dan kemajuan industri benih negara.
6. Seperti yang kita sedia maklum, pengurusan benih sebelum ini lebih banyak dilaksanakan secara pentadbiran menerusi garis panduan teknikal tanpa perundangan khusus. Keadaan ini memberi ruang kepada isu ketirisan dan ketidakpastian dalam kawalan pasaran benih, termasuk penjualan benih tidak sah dan tidak berkualiti.
7. Isu seperti benih tidak bercambah, hasil tuaian tidak seragam, label yang mengelirukan dan benih tanpa kawalan piawaian sering memberi tekanan kepada petani kita. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan pendapatan mereka, malah turut memberi kesan kepada jaminan sekuriti makanan negara.
8. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Pertanian, lebih 16 juta pokok induk dan 11 juta bahan tanaman telah diperakukan sejak 2010 melalui Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT). Bagi tahun ini sahaja, pengeluaran benih padi sah negara telah mencecah 95 ribu tan. Walaupun SPBT bersifat

sukarela, sambutan pengeluar benih amat memberangsangkan.

9. Namun begitu, cabaran tetap wujud. Negara masih bergantung kepada benih import, termasuk 90% benih sayur-sayuran dan 100% benih melon. Kebergantungan ini menuntut usaha strategik bagi memperkukuh keupayaan domestik dalam penghasilan benih berkualiti tinggi.

Sidang hadirin sekalian,

10. Pindaan Akta 634 yang sedang dirangka ini dijangka membawa pelbagai manfaat. Bagi petani, ia dapat menjamin akses kepada benih berkualiti yang boleh meningkatkan hasil tanaman, mengurangkan risiko kegagalan serta menyumbang kepada peningkatan pendapatan.
11. Petani juga akan lebih terlindung daripada penipuan dan eksploitasi apabila mutu benih dikawal secara lebih ketat. Saya difahamkan bahawa pindaan ini masih mengekalkan hak petani untuk menyimpan, menggunakan dan menukar benih daripada tanaman sendiri, selaras dengan prinsip keadilan sosial dan amalan tradisional petani.
12. Dari sudut nilai kemasyarakatan, saya difahamkan bahawa pindaan ini turut mengambil kira sensitiviti agama dan kepercayaan kaum dalam merangka perubahan, agar kekal sejajar dengan nilai masyarakat berbilang bangsa dan agama di Malaysia.

13. Bagi pembiak baka pula, pindaan ini bakal memberikan perlindungan hak eksklusif terhadap varieti baharu yang dibangunkan. Ini akan menggalakkan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan serta mempercepatkan kemajuan inovasi dalam bidang pertanian.
14. Secara keseluruhan, saya percaya pindaan ini dapat memperkukuh daya saing industri benih negara, termasuk dalam memenuhi komitmen antarabangsa yang telah disertai oleh Kerajaan Persekutuan seperti UPOV dan CPTPP.
15. Sebagaimana yang sering ditegaskan oleh pihak kementerian, kejayaan pelaksanaan undang-undang ini amat bergantung kepada kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, khususnya jentera pembangunan negeri yang dekat dengan rakyat di peringkat akar umbi.
16. Kerjasama ini penting bagi memastikan maklumat yang tepat dapat disampaikan kepada petani dan pihak berkepentingan, serta menangani sebarang salah faham yang mungkin timbul akibat penyebaran maklumat tidak tepat.
17. Kerajaan Negeri Melaka menyambut baik usaha ini dan menyatakan komitmen penuh untuk bekerjasama dalam memastikan undang-undang yang dirangka ini dapat dilaksanakan dengan berkesan di peringkat negeri. Sinergi merentas kementerian, jabatan, agensi dan kerajaan negeri amat penting untuk memastikan setiap dasar sampai kepada kumpulan sasar dengan berkesan.

18. Sesi libat urus seperti ini amat bermakna kerana ia bukan sekadar membincangkan draf perundangan, tetapi turut membuka ruang kepada semua pihak berkongsi pandangan, membina kefahaman dan menyumbang input dari pelbagai peringkat – daripada pembiak baka, pengedar hingga ke petani di lapangan.
19. Saya yakin dapatan daripada sesi ini akan menjadi asas penting bagi memurnikan RUU KBT 20XX dan pindaan Akta 634 agar lebih seimbang, praktikal dan realistik. Kerajaan Negeri Melaka akan terus menyokong usaha pembaharuan dasar dan perundangan yang membawa manfaat jangka panjang kepada sektor agromakanan negeri dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

20. Akhir kata, marilah kita terus berganding bahu dalam usaha pemantapan dasar dan perundangan ini demi kemajuan sektor pertanian negara. Saya ingin menegaskan bahawa **"Benih Berkualiti, Sekuriti Makanan Terjamin, Ekonomi Diperkasa"** — inilah asas kepada pertanian moden yang mampan. Apabila benih berkualiti dikawal selia dengan baik, hasil pertanian akan meningkat, pendapatan petani terjamin, dan keselamatan makanan negara dapat diperkukuh.
21. Dengan lafaz yang mulia, Bismillahirrahmanirrahim.....saya dengan sukacitanya merasmikan Sesi Pemurnian dan Libat

Urus Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman 20XX dan
Pindaan Akta 634.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum wbt.